

INILAH sebahagian daripada bangunan Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur yang dibuka dalam tahun 1938.

Sekolah Kebangsaan yang tertua di Negeri Selangor ini mungkin ditutup, dan akan dijadikan "Pusat Latihan Guru Sementara."

APA KATA DR. MAHATHIR

"YANG sebenarnya sekolah ini kena diberi latar belakang. Dulu dia ada 1,200 orang murid. Sekarang 380. Tahun depan 280. Lepas itu 240.

Menurut yang kita daftar tiap-tiap tahun bilangan murid-murid yang hendak masuk sekolah itu merosot. Semakin kurang, semakin kurang. Ini bermakna sebahagian dari bangunan sekolah itu dulu tidak digunakan.

Walaupun sekolah lain banyak yang tidak ada padang permainan, tetapi ramai ibubapa menghantar anak-anaknya ke sekolah lain, tidak ke Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda. Saya tak tahu apa sebab. Saya tak mahu kata apa sebab walaupun saya tahu sebabnya. Kalau ibubapa tak percaya tanya guru-guru di situ.

Penuntut-penuntut yang datang ke sekolah itu bukan semuanya datang dari Kampung Baru. Ada yang datang dari lain tempat, pendek kata orang Kampung Baharu sendiri bukan semuanya menghantar anaknya ke situ. Yang ada di sekolah itu bukanlah anak orang Kampung Baharu, anak orang lain.

Masalahnya sekolah ini di tengah bandar. Ia merupakan satu "investment" untuk pelajaran. Kita hendak tahu sama ada investment (pelaburan) itu dapat hasil atau tidak.

Apakah yang hendak kita utamakan, sentimen kerana kita mengaji di sekolah itu dulu, atau sekolah itu sekolah tertua, ataupun kegunaan praktikalnya? Maksudnya secara praktik apa kita gunakannya?

Kalau kita adakan sekolah itu sebagai sekolah ia menampung 380 orang murid. Tetapi kalau kita guna sekolah itu sebagai pusat latihan guru, tiap-tiap seorang guru sama dengan 40 orang murid. Tiap-tiap satu tahun kita boleh keluarkan 400 orang guru.

Daripada 380 orang murid-murid itu tiap-tiap tahun bukan keluar 380 orang murid. Cuma yang duduk di darjah enam sahaja — boleh kata 50 orang yang keluar.

Apakah kita hendak mengutamakan 50 orang itu (murid) atau 400 orang guru satu tahun yang sama dengan 16,000 murid yang akan dapat keuntungan daripada penanaman modal dalam bidang pelajaran itu?

Jadi kalau kita hendak kekalkan sekolah itu hanyalah untuk beberapa orang yang menganggap bahawa ia "sentimental value" kerana mereka mengaji di sekolah itu dulu. Itu sahaja. Selain dari itu tidak ada sebab.

Di segi anak-anak dia boleh sekolah di sekolah lain, bukan tidak ada tempat. Banyak sekolah dekat situ, dia boleh pergi sekolah lain.

Jadi satu sahaja sebab mereka yang boleh kita pegang, iaitu emosi — fasal sekolah itu saya dulu yang mengaji. Jadi kerajaan mesti kekalkan sekolah yang saya pergi itu.

Semangat kebangsaan kita bukan dengan kerana sekolah itu sahaja. Kerajaan yang ada sekarang ini ialah kerajaan yang telahpun melaksanakan dasar pelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan, iaitu lebih dari mempertahankan sekolah itu.

Tempat yang dulu tidak ada sekolah kita telah adakan sekolah. Takkanlah dengan kerana satu sekolah ditutup maka dasar Pelajaran Kebangsaan terjejas. Ini tidak bermakna begitu.

Sebaliknya kita mengadakan lebih banyak bakti yang mengatakan kerajaan lebih mengutamakan Pelajaran Kebangsaan sehingga ke peringkat universiti. Takkanlah kerana 40 orang setahun tidak pergi ke sekolah itu maka tidak ada dasar Pelajaran Kebangsaan.

Ada yang tuduh pula Kementerian Pelajaran nak bagi mati orang Kampung Baharu. Takkanlah dengan kerana tutup sekolah itu akan mati semua orang.

RIBUT Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda hendak dijadikan Pusat Latihan Guru-Guru sedang bertiup kencang sekarang ini.

Persatuan ibubapa sekolah ini telah mengadakan mesyuarat tergemparnya baru-baru ini untuk membantah atas penutupan sekolah ini.

Untuk mengetahui reaksi selanjutnya mengenai perkara ini, Adam Abdul Hamid telah menginterwiew Dr. Mahathir Muhammad, Menteri Pelajaran Malaysia dan Radin Supatan, jurucakap lembaga pengurus sekolah itu. Ikutilah apa kata mereka.